



PSSTLDM turut serta membantu mangsa banjir di Pulau Pinang.

Sungai beberapa negeri lepassi tahap amaran

➔ Keadaan cetus kebimbangan gelombang kedua bah

Oleh Adha Ghazali Shaarani Ismail, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Zuraidah Mohamed, Syaheerah Mustafa, Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Paras sungai di beberapa negeri melepasi tahap berjaga-jaga dan amaran berikutan hujan berterusan, sekali gus mencetuskan kebimbangan banjir gelombang kedua.

Bacaan paras Sungai Perak di stesen pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Kenderong di Hulu Perak mencatatkan 112.11 meter berbanding paras amaran 112.08 meter pada jam 4 petang semalam.

Stesen pemantauan JPS di Pekan Pendang, Kedah pula mencatatkan bacaan pada tahap jingga apabila menyamai paras amaran iaitu 2.50 meter.

Sungai Galas di Gua Musang dan Sungai Golok, Kelantan, mencatat paras berjaga-jaga, manakala di Johor sebuah pusat pemindahan di buka di Dewan Serbaguna Blok 18, Kampung Paya Kenangan, Kangkar Tebrau, Johor Bahru, bagi menempatkan tujuh mangsa banjir petang semalam.

Bagaimanapun, keadaan banjir di Pulau Pinang beransur pulih dengan jumlah mangsa yang masih ditempatkan di 24 pusat pemindahan berkurangan kepada

2,518 orang membabitkan 674 keluarga.

Semua pusat pemindahan di Kedah pula sudah ditutup semalam.

Di Ipoh, hanya bacaan paras air di stesen pemantauan JPS Kuala Kenderong mencatatkan bacaan melebihi paras amaran, manakala 14 stesen lagi masih pada paras normal.

Teruskan pemantauan

Pengarah JPS Perak, Juhaimi Jusoh, berkata pihaknya akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diambil jika berlaku banjir.

Di Alor Setar, maklumat laman sesawang Public Infobanjir turut merekodkan dua lagi stesen bacaan iaitu Empangan Beris dan Kampung Perik (Sungai Perik) berada pada berjaga-jaga.

Stesen Empangan Beris di Sik mencatatkan bacaan 84.10 meter berbanding 84.0 meter paras ber-



BH-16 10/11

JPS Perak akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diambil jika berlaku banjir”

Juhaimi Jusoh
Pengarah JPS Perak

[FOTO IHSAN APM]



Kampung Maju Jaya, Johor Bahru dilanda banjir kilat, semalam.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



Sungai Golok meningkat ke paras berjaga-jaga, semalam.

jaga-jaga, manakala Kampung Perik (Sungai Perik) di Padang Terap pula mencatatkan 11.36 meter (11.0 meter).

Di Kota Bharu, Sungai Galas dan Sungai Golok mencapai paras berjaga-jaga berikutan kekerapan hujan sejak seminggu lalu.

Berdasarkan laporan infobanjir.water.gov.my, Sungai Galas merekodkan bacaan 32.29 meter berbanding 28 meter bagi paras berjaga-jaga, manakala Sungai Galas pula meningkat kepada 7.31 meter (lima meter).

Di Kuala Terengganu, paras sungai utama di Terengganu masih di bawah paras berjaga-jaga walaupun hujan kerap melanda di sebahagian besar negeri ini sejak mengalami peralihan monsun.

Kemas kini laman sesawang infobanjir.water.gov.my/waterlevel pada jam 3 petang semalam merekodkan 13 stesen sungai menunjukkan peningkatan paras air me-

lebih paras normal.

Sementara itu, Pasukan Simpanan Sukarelawan Tentera Laut Malaysia (PSSTLDM) antara anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang turut serta membantu mangsa banjir di Pulau Pinang.

Anggota pasukan itu ditempatkan di Kampung Kubu, Kubang Semang, kini menjalankan kerja pembersihan kediaman, rumah ibadat dan kawasan komuniti.

Anggota daripada pasukan simpanan KD Sri Klang berpangkalan di Pulau Indah, Klang itu menghabiskan masa seharian membantu penduduk kampung berkenaan, menyertai pasukan bantuan kemanusiaan banjir sejak Sabtu lalu.

Kerja pembersihan itu adalah antara inisiatif TLDM merapatkan hubungan dengan masyarakat selain menghulurkan bantuan kemanusiaan terutama pada waktu bencana alam.